

1 Julai 2021

Tema 4 : Perpaduan

Unit 11 : Meraikan Penyatuan / Buku Teks m/s 81

Menulis maklumat.

Kalah Menang, Adat Bertanding

Situasi 1

Puan Suria : Sebagai pemain yang hebat, kita patut bermain dengan semangat kesukanan yang tinggi. Jangan bersengketa semasa bermain dan usah sesekali memandang rendah terhadap lawan kita. Raikan kepelbagaian kaum dalam pasukan dengan bersatu padu.
Sebelum dan selepas pertandingan, bersalamlah dengan pasukan lawan dan pengadil. Ucapkan sesuatu dengan wajah yang ceria dan manis.

Farisha : _____

Situasi 2

Farisha : Salam sejahtera, tadi kami telah mengadakan telesidang dengan Puan Suria, jurulatih bola jaring negeri. Banyak amanat yang disampaikan beliau. Rubini, minta sebutkan amanat itu semula .

Rubini : _____

Baiklah , Farisha. Puan Suria berpesan agar kita berbahasa dengan baik dan tidak menyakiti hati pihak lain semasa bermain. Selain itu, kita mesti meraikan kepelbagaian kaum dalam pasukan dan menghormati pihak lawan serta mematuhi undang-undang dalam permainan. Sebaik-baiknya, kita perlu bersalaman dengan pengadil dan pihak lawan dengan wajah yang manis dan ceria.

Terima kasih, puan. Kami menghargai ingatan dan pesanan puan. Kami bermain dengan semangat kesukanan yang tinggi. Kami akan menghormati pihak lawan, meraikan kepelbagaian kaum dalam pasukan dan mematuhi undang-undang. Kami tidak akan bersengketa dalam pertandingan.